

28/11/1997

NEAC harus rangka pakej menyeluruh

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Bertindak Ekonomi Kebangsaan (NEAC) perlu mengkaji dengan serius masalah ekonomi negara dan merangka satu pakej menyeluruh bagi mengatasinya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, berkata isu itu perlu diselesaikan menerusi satu pakej menyeluruh dan tidak hanya menyelesaikan sebahagian masalah saja.

Beliau berharap, NEAC akan bertindak secara menyeluruh bagi mengatasi masalah itu dan bukan hanya mencuit atau menawarkan penyelesaian secara sedikit-sedikit.

"Tindakan itu bukan sahaja tidak baik bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan masyarakat peniaga, malah akan mengelirukan mereka.

"Saya harap penyelesaian yang diberikan adalah pakej menyeluruh... ini masalahnya, begini cara mengatasinya dan ini adalah langkah kerajaan menyelesaikannya. Kaedah seperti ini juga perlu berterusan," katanya selepas merasmikan Kongres Mengenai Dasar dan Undang-Undang Media di sini, hari ini.

Penubuhan NEAC diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusi mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno pada 20 November lalu.

(END)